

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 62

RUANGAN : SUKAN

'Momota sihat, dia perlu berehat'

Putrajaya: Ikon badminton negara, Datuk Lee Chong Wei berharap pemain nombor satu dunia dari Jepun, Kento Momota segera pulih dan kembali beraksi di gelanggang dengan secepat mungkin.

"Semua orang tidak mahu ditimpa kemalangan namun siapa yang boleh menghalangnya daripada berlaku," kata Chong Wei yang menziarah Momota di Hospital Putrajaya di sini, semalam.

"Apa yang penting ketika ini, (Momota) perlu berehat.

"Saya ada bercakap dengan jurulatih mereka yang dia perlu berehat kira-kira dua minggu selain perlu mengambilkira pandangan daripada pihak doktor. Beri dia masa untuk berehat.

"Momota mengalami kemalangan ketika dalam perjalanan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas memenangi Masters Malaysia kelmarin dilaporkan mengalami patah tulang hidung dan menerima rawatan di bibir.

"Saya ada bercakap dengan dia (Momota ketika melawat). Kasihan melihat keadaannya.

"Selepas kejohanan, dia mahu pulang ke Jepun namun dia kemalangan. Saya berharap dia cepat pulih dan dapat kembali ke gelanggang dengan segera.

"Saya tahu semua peminat bimbang dengan keadaannya. Dia sihat dan perlu berehat," kata Chong Wei.

Sementara itu, Presiden BAM, Datuk Seri Norza Zakaria ketika dihubungi berkata pemain itu sedang dalam tempoh pemerhatian rapi di wad Hospital Putrajaya.

"Doktor mengkategorikan ia sebagai kecederaan ringan, dan mereka akan benarkan dia keluar dari wad sebaik sahaja semuanya beres nanti. Kecedarannya tidak memerlukan sebarang pembedahan," katanya.

Turut menziarahi Momota ialah Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang diiringi Duta Jepun ke Malaysia Hiroshi Oka.



Chong Wei ketika ditemui selepas menziarah Momota di Hospital Putrajaya, semalam. (Foto AFP)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kemalangan pemain badminton nombor satu dunia

Momota patah tulang hidung

Nahas berlaku di MEX turut korbakan pemandu van, tiga lagi warga asing cedera

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Nasib malang menimpa juara badminton Masters Malaysia yang juga pemain nombor satu dunia, Kento Momota, apabila van dinaiki terbabit kemalangan maut mengorbankan pemandu kenderaan itu ketika menghantarnya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA), awal pagi semalam.

Dalam nahas jam 4.57 pagi itu, pemandu van terbabit, B Nageswarau, 24, mati di tempat kejadian kerana cedera parah akibat terperangkap dalam remukan tempat duduknya, selepas kenderaan itu merempuh belakang sebuah lori yang bergerak perlahan di Kilometer (KM) 13.7 Lebuhraya Maju Expressway (MEX).

Akibat kemalangan itu, Momota yang baru merangkul gelaran juara Masters Malaysia kelmarin, selepas menewaskan pemain Denmark, Viktor Axelsen, disahkan

patah tulang hidung dan mengalami beberapa kecederaan lain di bahagian muka.

Tiga lagi mangsa terdiri daripada Pegawai Teknikal Persatuan Badminton Dunia (BWF), William Thomas, 30, dari England, yang cedera di kepala dan kaki kanan; pembantu jurulatih Jepun, Hirayama Yu, 35, luka di muka dan kaki kanan, manakala pegawai Fisioterapi Jepun, Morimoto Aki-fumi, 42, patah tangan.

Ketua Polis Daerah Serdang, Ismadi Borhan, berkata keempat-empat warga asing yang terbabit nahas itu, kini stabil dalam rawatan di Hospital Putrajaya, sementara punca kemalangan itu sedang disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, mengesahkan ujian imbasan CT yang dilakukan terhadap Momota mendapati mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan dalaman, kecuali di cedera di muka dan hidung.

"Kerajaan dan Hospital Putrajaya akan memberi perkhidmatan terbaik bagi memastikan semua mangsa pulih secepat mungkin," katanya selepas melawat mangsa semalam.

Isteri Perdana Menteri yang juga bekas penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Tun Siti Hasmah Mohd Ali dan Duta Jepun ke Malaysia, Hiroshi Oka, turut melawat mangsa semalam.



Dr Siti Hasmah melawat Momota yang cedera dalam kemalangan di KM13.7 Lebuhraya Maju Expressway, awal pagi semalam. (Foto BERNAMA)

Terdahulu, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Presiden BAM, Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria, turut melawat Momota dan tiga lagi mangsa nahas itu.

Dr Dzulkefly berkata, semua mangsa dijangka keluar dari wad dalam masa terdekat selepas menerima rawatan rapi dari Hospital Putrajaya.

Norza berkata, beliau sudah berjumpa ketua jurulatih badminton kebangsaan Jepun, Park Joo-bong, bagi memberi keyakinan bahawa Kerajaan Malaysia dan BAM akan memberi rawatan terbaik kepada semua mangsa.

"Semua peminat Momota diharap bersabar dan tidak mudah

menerima berita daripada sumber yang tidak benar," katanya.

Sementara itu, Setiausaha BAM, Kenny Goh, berkata kenderaan yang dinaiki mangsa adalah milik syarikat yang dilantik sepanjang Kejohanan Badminton Masters 2020 yang berlangsung baru-baru ini.

Katanya, perkara itu menjadi kebiasaan setiap kali berlangsung kejohanan badminton, BAM akan melantik pihak kontraktor untuk mengendalikan pengangkutan pemain dan pegawai yang terbabit.

Sementara itu, bekas jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei, turut menzahirkan harapan Momota cepat pulih dan kembali beraksi di gelanggang selepas me-

nerima rawatan terbaik dan berehat secukupnya.

"Saya ada bercakap dengan beliau dan melihat keadaannya. Saya pun kasihan, apatah lagi nahas menimpa selepas dia menang kejuaraan dan dalam perjalanan untuk pulang ke Jepun.

"Saya tahu semua peminat badminton bimbang dengan keadaan ini. Mari sama-sama doakan untuk Momota kembali sihat dan beraksi semula di gelanggang," katanya.

Chong Wei berkata, beliau difahamkan oleh Joo Bong yang Momota perlu berehat sekurang-kurangnya dua minggu, susulan kecederaan yang dialami itu.



Nageswarau maut selepas van dipandu merempuh belakang lori di KM13.7 Lebuhraya Maju Expressway, awal pagi semalam. (Foto BERNAMA)



Pegawai peronda tebuhi raya, Muhammad Adil Nasir mengutip serpihan kenderaan di sekitar kawasan nahas. (Foto Rosdan Wahid/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

1 juta tablet ubat oseltamivir untuk klinik swasta

Putrajaya: Kerajaan meluluskan bekalan alternatif sebanyak satu juta tablet ubat oseltamivir bagi tujuan merawat Influenza A kepada fasiliti kesihatan swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata jumlah ubat oseltamivir itu secara langsung boleh memberi manfaat kepada 100,000 pesakit.

Hingga kini hanya ada lima pembekal sedia ada bagi membekalkan ubat berkenaan.

"Kelulusan itu dibuat selepas melihat peningkatan permintaan ubat berkenaan di fasiliti kesihatan swasta. Kita beri alternatif lain kepada klinik swasta untuk mendapatkan ubat antiviral berkenaan daripada kerajaan, selain

pembekal sedia ada.

"Pihak swasta boleh memohon permit untuk mengimport ubat berkenaan dan kelulusan khas akan diberikan pada hari yang sama," katanya selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu kementerinya, semalam.

Sementara itu mengenai masalah bekalan vaksin, Dzulkefly berkata, buat masa ini, stok bekalan vaksin bagi Influenza A masih mencukupi dalam sektor kerajaan.

"Kita ada stok mencukupi. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah rakyat ingin mendapatkan vaksin berkenaan di fasiliti swasta dan mereka (swasta) tidak menyimpan stok yang banyak.



Dr Dzulkefly Ahmad

"Apabila permintaan melebihi bekalan yang ada, itu sebab berlakunya kekurangan dan menimbulkan situasi cemas," katanya. Tahun lalu 600,000 dos vaksin

influenza diterima oleh kerajaan. Pada 2 Disember lalu, kerajaan menerima lebih 90,000 dos vaksin dan difahamkan pada 21 Januari ini, lebih 60,000 dos vaksin lagi akan diterima.

Media sebelum ini melaporkan, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran, mendakwa klinik swasta berdepan kekurangan kritikal bekalan vaksin untuk pencegahan influenza daripada empat syarikat pembekal utama.

Beliau mendakwa, kekurangan itu berlaku kerana klinik swasta tidak diberi keutamaan untuk mendapatkan bekalan vaksin terbahit berbanding hospital swasta.

Fakta Nombor

100,000
Pesakit

manfaat ubat oseltamivir

5 Pembekal
ubat oseltamivir

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 14A

RUANGAN : LOKAL

KKM rancang jalin kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mahu menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi mengurangkan kematian membabitkan kes kemalangan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, beliau akan mengangkat isu berkenaan pada jemaah menteri sebelum kes kematian membabitkan kemalangan akan bertambah.

"Seperti yang kita tahu,

pagi tadi (semalam) ada satu kes kemalangan membabitkan pemain badminton utama Jepun.

"Sebelum timbul persepsi kurang baik bila negara luar melihat kita sebagai negara tertinggi membabitkan kematian dalam kemalangan jalan raya, saya rasa kita patut meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan untuk tangani masalah berkenaan," katanya selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2020 KKM di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : LOKAL

Dua pegawai di klia2 diberi amaran

Putrajaya: Tidak beri muka apabila Kementerian Kesihatan sudah menjalankan siasatan terhadap dua pekerja pengendali pengimbasan terma yang didakwa bermain telefon bimbit dan tidur di kaunter imbasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) di sini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kejadian yang tular di media sosial itu dipandang serius pihaknya.

Menurutnya, dua pegawai terbabit sudah diberikan surat amaran dan tunjuk sebab.

Katanya, pihak kementerian juga sudah memberi taklimat kepada semua petugas kesihatan yang menjaga kaunter berkenaan bagi mempertingkatkan disiplin.

"Ini bagi memastikan saringan serta pemantauan dijalankan dengan lebih efektif.

"Saya sudah menonton video yang ditularkan itu. Ternyata ia memberi satu perspektif yang tidak baik kerana tidur dan bermain telefon bimbit di kaunter berkenaan.

"Bagaimanapun, saya tidak mengetahui keadaan sebenar. Jika kita bersangka

baik mungkin pegawai yang sedang tidur itu sakit atau sebagainya. Namun tindakan pegawai yang bermain telefon bimbit itu tidak boleh diambil mudah," katanya, semalam.

Sebelum ini tular di media sosial, dua pegawai di kaunter imbasan terma sedang tidur dan bermain telefon bimbit semasa bertugas.

Keadaan itu sekali gus menimbulkan rasa bimbang dalam kalangan masyarakat mengenai kemasukan pelancong yang berkemungkinan membawa

berjangkit tidak disaring dengan sewajarnya.



DR Dzulkefly

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : A7

RUANGAN : LOKAL

Terengganu catat sembilan kes jangkitan

Kuala Terengganu:

Sembilan kes jangkitan virus influenza direkodkan di Terengganu membabitkan pesakit berusia antara tiga hingga 38 tahun.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Noor Azimi Yunus berkata, kes direkodkan pada 5 dan 7 Januari lalu, bagaimanapun mangsa daripada dua keluarga berbeza di Setiu.

Beliau berkata, semua pesakit hanya dirawat di klinik swasta.

"Daripada sembilan kes

itu, lima kes positif Influenza A dan tiga kes positif Influenza B.

"Keadaan semua kes adalah stabil dan dalam keadaan terkawal. JKNT dengan kerjasama Pejabat Daerah Setiu akan terus memantau kejadian ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Azimi berkata, orang awam dinasihatkan untuk menjaga kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan serta patuh kepada etika batuk serta bersin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : A7

RUANGAN : LOKAL

Momota perlu jalani *imbasan* CT

Putrajaya: Pemain badminton nombor satu dunia, Kento Momota dan tiga lagi yang cedera dalam nahas jalan raya pagi semalam perlu menjalani imbasan CT dan pemeriksaan lain sebelum diagnosis sebenar dapat disahkan.

Pengarah Hospital Putrajaya Datuk Dr Nora'i Mohd Said berkata, kemalangan yang berlaku adalah 'nahas jalan raya impak tinggi' hingga menyebabkan keempat-empat mangsa mengalami sakit belakang serta kecederaan lain.

"Ketika ini semua mereka stabil dan sudah dihantar ke wad. Ada yang buat 'dressing', ada yang buat jahitan di OT (dewan bedah).

"Mereka juga mengalami luka melecut," katanya ketika ditemui selepas majlis amanat tahun baharu Menteri Kesihatan di Kementerian Ke-

sihatan di sini, semalam.

Dalam kejadian pada 5.30 pagi itu, van dipandu N Bavan, 24, membawa keempat-empat pemain dan pegawai pasukan badminton melanggar belakang lori yang dikatakan bergerak perlahan di kilometer (KM) 13.7 Lebuhraya Maju Expressway (MEX).

Selain Momota, 25, tiga lagi yang cedera adalah pembantu jurulatih Yu Hirayama, 35, pegawai fisioterapi Morimoto Akifumi, 42, dan William Thomas, 30, pegawai teknikal Persekutuan Badminton Dunia.

Kelmarin, Momota daripada Jepun muncul juara perseorangan lelaki Malaysia Masters 2020 di Axiata Arena di sini selepas menewaskan bekas juara dunia Viktor Axelsen daripada Denmark pada aksi perlawanan akhir.



“
Ketika ini semua
mereka stabil dan
sudah dihantar
ke wad
Dr Nora'i Mohd Said

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Murid tahun satu, Nur Dinie Damia, 7, yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, kerana disyaki dijangkiti Influenza kini dalam keadaan kritikal.

Ayahnya, Muhammad Nor Ain yang ditemui pemberita di luar ICU HSA berkata, anak bongsunya itu mengalami jangkitan pada bahagian hati dan disahkan mengalami otak mati selepas menjalani imbasan tengah hari, semalam.

Beliau yang kelihatan sebak berkata, Nur Dinie dimasukkan ke ICU HSA sejak empat hari lalu selepas kesihatannya merudum ketika dirawat di sebuah hospital swasta, di sini.

"Nur Dinie sebelum ini seorang kanak-kanak yang aktif dan tidak menghidap sebarang penyakit namun kesihatannya tiba-tiba merudum selepas mengalami demam minggu lalu.

"Hari ketiga demamnya masih tidak kebah menyebabkan saya membawanya ke klinik sebelum dia disahkan dijangkiti Influenza A sebelum dirujuk ke sebuah hospital swasta.

"Keadaan Nur Dinie ketika dirawat di hospital swasta juga tidak menunjukkan perubahan di samping mengalami muntah darah menyebabkan dia kemudiannya dirujuk ke HSA dan dimasukkan ke dalam ICU bagi pemantauan pakar," katanya.

Pagi semalam, Jabatan Kesihatan Johor (JKJ)



PELAJAR Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) Wu Teck, Bandar Parklands, Klang tetap memakai topeng muka walaupun wabak Influenza A tidak dikesan.

KES INFLUENZA

Nur Dinie kritikal di ICU

*Murid tahun satu di bawah pengawasan pakar
ada komplikasi lain selepas dijangkiti virus*

mengesahkan seorang murid tahun satu dirawat di ICU sebuah hospital di sini, selepas dijangkiti Influenza A seperti yang ditularkan di media sosial.

Sementara itu, Muhammad Nor Ain meminta masyarakat supaya tidak menularkan berita palsu mengenai anaknya termasuk mengatakan Nur Dinie sudah meninggal dunia.

"Pakar HSA memaldumkan otak Nur Dinie didapati mati apabila melakukan imbasan tomografi berkomputer (CT Scan) namun masih berharap kesihatannya kembali pulih," katanya.

Sementara itu, Jabatan Kesihatan Johor (JKJ) mengesahkan seorang murid tahun satu yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital di sini, dijangkiti Influenza seperti yang tular di media sosial.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Kesihatan dan Sumber Manusia, Aminolhuda Hassan berkata, selain dijangkiti Influenza terdapat juga komplikasi lain yang menyebabkan kanak-kanak terbabit perlu dirawat di ICU dan diletakkan bawah pengawasan pakar.



SEORANG wanita menggunakan penutup muka bagi menghindari penularan Influenza di kawasan.

Stok vaksin Influenza A mencukupi

Putrajaya: Tidak timbul isu pilih kasih apabila kerajaan memberi kelulusan bekalan alternatif sebanyak 1 juta tablet vaksin Influenza A kepada klinik swasta sekali

gus boleh memberi manfaat kepada 100,000 pesakit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya menerima stok vaksin Influenza A sebanyak 600,000 dos tahun lalu.

"Manakala pada 2 Disember lalu, kami terima lebih 90,000 dos vaksin dan difahamkan pada 21 Januari ini, lebih 60,000 dos vaksin akan diterima lagi.

"Pihak swasta yang mahukan bekalan berkenaan boleh memohon bekalan alternatif itu. Ia akan mendapat kelulusan khas pada hari yang sama," katanya selepas

memberikan Amanat Tahun Baharu 2020 kementeriannya di sini semalam.

Dzulkefly berkata, stok bekalan vaksin bagi Influenza A dimiliki kerajaan masih mencukupi.

"Kami ada stok simpanan vaksin berbanding pihak swasta yang tidak menyimpan stok bagi vaksin itu sebelum ini.

"Kami ada stok yang mencukupi, bila jadi keadaan begini, rakyat memilih untuk mendapatkan vaksin berkenaan di swasta, walau bagaimanapun mereka (swasta) tidak menyimpan stok yang banyak.

"Bila terjadi keadaan

membimbangkan seperti ini, semua mahu dapatkan ubatan berkenaan. Bila permintaan melebihi bekalan yang ada, itu sebab berlaku isu kekurangan (vaksin) dan menimbulkan situasi cemas," katanya.

Sebelum ini Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran dilaporkan berkata, klinik swasta berdepan kekurangan bekalan vaksin flu yang kritikal daripada empat syarikat pembekal utama.

Beliau mendakwa kekurangan itu berlaku kerana klinik swasta tidak diberi keutamaan untuk mendapatkan bekalan vaksin berkenaan.



DR Dzulkefly

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NAHAS JALANRAYA MELIBATKAN JAGUH BADMINTON DUNIA

Momota dijangka keluar wad dalam masa terdekat

PUTRAJAYA - Pemain badminton nombor satu dunia, Kento Momota dan tiga yang lain dijangka dibenarkan keluar dari Hospital Putrajaya dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kesemua mangsa disahkan tidak mengalami kecederaan serius selepas pemeriksaan imbas CT (CT scan) dilakukan.

"Insya-ALLAH mereka boleh keluar dalam masa terdekat," katanya pada sidang akhbar di Hospital Putrajaya di sini semalam.

Terdahulu, Dzulkefly bersama Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Duta Jepun ke Malaysia, Hiroshi Oka meluang-

kan masa hampir 45 minit melawat mangsa.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Selain Momota, Pegawai Teknikal BWF, Wiliam Thomas, Pembantu Jurulatih Japan BA, Hirayama Yu dan pegawai fisioterapi, Morimoto Akifumi terlibat dalam kejadian tersebut.

Dalam kejadian pada jam 4.40 pagi itu, van dipandu B Nageswarau, 24, yang membawa keempat-empat mereka, melanggar belakang lori yang dikatakan sedang bergerak perlahan di KM13.7 Lebuhraya Maju Expressway (MEX).

Nageswarau maut dalam kejadian itu.



Dr Siti Hasmah melawat Momota yang dirawat di Hospital Putrajaya semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : WABAK INFLUENZA SEMAKIN MENULAR

Lulus 1 juta tablet ubat oseltamivir

Bekalan kepada fasiliti kesihatan swasta di Malaysia

PUTRAJAYA

Kerajaan meluluskan bekalan alternatif sebanyak satu juta tablet ubat antivirus oseltamivir bagi tujuan merawat influenza A kepada fasiliti kesihatan swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, jumlah ubat oseltamivir itu boleh memberi manfaat kepada 100,000 pesakit yang disahkan positif mengidap virus tersebut.

"Klinik swasta perlu memo-

hon jika mereka mahu mendapatkannya daripada (lima) pembekal dan kelulusan diberi pada hari yang sama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan amanat tahun baru 2020 kepada staf Kementerian Kesihatan di pejabat kementerian di sini semalam.

Influenza ialah satu penyakit berjangkit dengan simptom flu seperti demam, sakit tekak, batuk, sakit kepala, sakit sendi dan keletihan.



DR ZULKEFLY

Wabak itu disebabkan virus influenza bermusim yang hanya mencetuskan demam selesema ringan kepada orang biasa tetapi menyebabkan jangkitan serius kepada golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, orang tua, wanita mengandung dan peng-



Satu juta tablet ubat antivirus oseltamivir bagi tujuan merawat influenza A untuk fasiliti kesihatan swasta.

hidap penyakit kronik.

Dr Dzulkefly berkata, adalah penting untuk diingatkan tidak semua yang sakit tekak adalah jangkitan influenza dan ia juga tidak bermakna semua orang memerlukan antivirus itu.

"Orang ramai tidak seharusnya panik dengan wabak influenza A dan mendapatkan oseltamivir kerana ia akan menyebabkan rintangan kepada antivirus itu," katanya.

Ketika ditanya mengenai stok antivirus di fasiliti KKM, Dr Dzulkefly berkata, ia mencukupi bagi tempoh tiga bulan.

"Apa yang berlaku sekarang ialah rakyat ingin mendapatkan vaksin itu di fasiliti swasta dan mereka (swasta) tidak menyimpan stok yang banyak.

"Apabila permintaan melebihi bekalan, itu sebab berlakunya kekurangan," katanya.

Sementara itu, Timbalan

Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Christopher KC Lee berkata, Malaysia berisiko menghadapi satu lagi musim demam selesema pada tahun 2021 jika penggunaan oseltamivir yang meluas.

"Hanya tiga golongan berisiko yang memerlukan oseltamivir iaitu individu berusia 65 tahun ke atas yang menghidapi diabetes atau masalah jantung.

"Kedua, mereka yang menunjukkan simptom selepas hari kedua atau ketiga dan kumpulan ketiga ialah mereka yang mengalami komplikasi sebelum dijangkiti influenza," katanya.

Dr Christopher berkata, kira-kira 98 peratus daripada rakyat Malaysia mudah pulih walaupun tanpa oseltamivir pada hari pertama atau kedua selepas dijangkiti influenza.

Difahamkan, ubat oseltamivir dijual pada harga RM75 mengandungi 10 kapsul ubat dan diambil satu biji sehari.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Jabatan Kesihatan Johor wujudkan kaunter ubat pandu lalu



AMINOLHUDA

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan mewujudkan kaunter pengambilan ubat secara pandu lalu bagi menangani masalah kepadatan pesakit di hospital kerajaan di negeri ini.

Exco Kesihatan, Pendidikan dan Sumber Manusia Johor, Aminolhuda Hassan berkata, berdasarkan cadangan awal, semua kaunter pengambilan ubat itu berkemungkinan akan dibuka di mana-mana pusat beli-belah terpilih.

“Kita ada jumpa beberapa kaedah untuk tingkatkan perkhidmatan hospital, sebagai contoh, pesakit yang mahu ambil ubat, jadi kita nak kurangkan kesesakan di tempat menunggu dengan wujudkan kaunter pandu lalu.

“Dengan cara ini, mereka boleh duduk dalam kereta sahaja untuk ambil ubat,” katanya pada sidang media selepas menghadiri taklimat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Johor di Wisma Persekutuan di sini semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

Duo manning klia2 thermal scanner desk given show-cause letters

PUTRAJAYA: The Health Ministry has cautioned its officers to remain professional and alert when stationed at thermal scanner desks at airports to prevent the transmission of infectious diseases.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yesterday said two officers had been given show-cause letters for failing to perform their duties while stationed at klia2, the country's low-cost carrier terminal.

A video clip which made its rounds on social media showed an operator at klia2's thermal scanners asleep at the desk.

Another staff member in the booth was seen preoccupied with his mobile phone.

In the wake of the recent polio cases in Sabah and the Influenza A outbreak, the clip has raised alarm among many who feared that travellers carrying infectious

diseases could have easily passed through the gates.

Dr Dzulkefly said: "All health-care professionals have been briefed on their roles and the need for each employee to properly monitor the screening.

"The two officers will be investigated."

Thermal scanners have been installed at international airports and other entry points to ensure visitors undergo health screening.

Some 120 cases of Influenza A, with one death, have been reported in Penang, Selangor, Pahang and Negri Sembilan since the start of the year.

On Dec 8, Malaysia saw its first polio case in nearly three decades.

In 2017, the Health Ministry disclosed there were some 25,000 tuberculosis cases with more than 1,900 deaths.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

New Tamiflu supply for private clinics

PUTRAJAYA: The government has approved an alternative supply of Tamiflu, an antiviral medication used to treat flu caused by the Influenza A virus, for private clinics, which could benefit 100,000 patients.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said five companies were registered with the ministry to supply Tamiflu.

"Public healthcare facilities, therefore, have no problem. We have the stock.

"However, due to increasing demand, the ministry has allowed private facilities to seek Tamiflu from other suppliers on top of the five suppliers.

"We have approved almost one million capsules for 100,000 patients. Private health facilities can apply (for permits) to import the medication," he said after presenting the ministry's New Year mandate here yesterday.

On the issue of vaccination shortage, Dr Dzulkefly said

there was enough supply of influenza vaccines at public healthcare facilities.

He said last year alone, the government acquired 600,000 doses of influenza vaccines.

"Since there was a spike in influenza cases, on Dec 2, the ministry imported another 92,700 doses. On Jan 20, we will bring in more than 60,000 doses.

"Therefore, there is no shortage. There is a surge in demand and Malaysians view this (influenza outbreak) as an alarming situation. They want to get vaccinated at private clinics and hospitals.

"We have enough stock, but in this case, the people choose to get vaccinated at private clinics and hospitals, which do not have enough stock. When there is an outbreak like this, everyone wants to get the medicine where demand exceeds supply.

"This will result in vaccine shortages and cause anxiety.

However, the situation is under control. We have stepped up measures to ensure sufficient supply (of vaccines)."

On whether schools linked to the Influenza A outbreak would be closed, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said they were being monitored and would be advised to close if the situation reached a critical level.

"There will be clusters of infections from time to time. Influenza H1N1 is already in the community.

"So, for example, if many students are affected, we encourage them to clean up the whole area and care for self-hygiene.

"Some patients may have severe complications following the infection.

"Children below 5, the elderly, pregnant women and those with underlying medical issues have been advised to get vaccinated against influenza."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

RECOVERY

MOMOTA STABLE AFTER VAN CRASH

Van driver killed in early morning crash while on the way to airport

THARANYA ARUMUGAM
AND FABIAN PETER
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

JAPANESE badminton ace Kento Momota, hours after winning the Malaysia Masters men's singles title, cheated death when the van he

was in collided with a lorry en route to the Kuala Lumpur International Airport (KLLA) yesterday.

Momota, 25, was with three other passengers — British badminton technical officer Foster William Thomas, 30; Japanese physiotherapist Hirayama Yu, 35; and assistant coach Morimoto



A highway safety officer collecting debris at the site where the van, in which Japanese player Kento Momota and four others were travelling, crashed into the rear of a lorry at Km13.7 of the Maju Expressway yesterday. PIC BY ROSDAN WAHID

Arkifuki, 42 — when the collision occurred at Km13.7 of the Maju Expressway (Mex Highway) in Serdang at 4.45am.

The van driver, Bavan Nageswarau, 24, died at the scene.

Selangor Fire and Rescue Department director Norazam Khamis said the van collided with the soil-laden 30-tonne lorry, which was reportedly moving very slowly.

Bavan's remains were taken to Serdang Hospital. The others were taken to Putrajaya Hospital, where they underwent CT scans and received treatment.

Putrajaya Hospital director Datuk Dr Nora'i Said said the victims suffered lacerations in the high-impact accident.

"All four are in stable condition.

"Some required dressings, and some needed minor stitches, which will be done at the operating theatre," she said after at-

tending the Health Ministry's New Year Mandate presentation here yesterday.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad confirmed that Momota did not sustain internal injuries.

"He had injuries to his nose and face and is in a stable condition.

The government and Putrajaya Hospital will ensure that the victims recover fast."

The Badminton Association of Malaysia, in a statement on Facebook last night, said on the advice of doctors, Momota, Yu, Arkifuki and Thomas would be kept under close supervision at the hospital and not be discharged yet.

The Japan embassy requested that Momota and the other victims be given time and privacy to recuperate.

Momota was en route to Japan after winning his maiden title in the Malaysia Masters at Axiata Arena in Sungai Besi on Sunday.

He defeated former world champion Viktor Axelsen of Denmark.

Momota was initially set to play in the Indonesia Masters scheduled from tomorrow to Sunday in Jakarta, but has to withdraw due to the accident.

Momota — who topped the world ranking since the end of September 2018, and had won back-to-back World Championships in 2018 and last year — is the Tokyo 2020 Olympic favourite to deliver a gold medal and Japan's first title in the men's singles.

Since badminton made its debut as an official medal sport at the 1992 Barcelona Olympics, Japan had only won gold in the women's doubles through Misaki Matsutomo and Ayaka Takahashi in the 2016 Rio Games.

Page 1 caption: Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's wife, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, visiting Japanese player and World No. 1 Kento Momota at Putrajaya Hospital yesterday.



Youth and Sports Minister Syed Saddiq Abdul Rahman speaking with Japan national badminton head coach Park Joo-bong at Putrajaya Hospital. PIC BY AHMAD IRHAM MOHD NOOR



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Additional flu vaccine brought in

Govt maintains sufficient supply to meet spike in demand

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Extra consignments of the flu vaccine have been brought into the country to maintain sufficient supply, says the Health Minister.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said in 2019, about 600,000 doses were imported.

He said that following a spike in flu cases, an additional 92,700 doses of the vaccine were brought in on Dec 2.

"An extra 16,000 doses are expected to be available on Jan 20.

"The so-called shortage of vaccines has been overcome.

"The lack of availability was just a transient effect due to a sudden spike in demand," he said after attending the ministry's New Year gathering held here yesterday.

Dr Dzulkefly also said that to ensure suffi-

“Private clinics applying to import the medicine will be given same-day approval so that the medicine can be given to patients who need it.”

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

cient supply of the oral antiviral drug Tamiflu, the ministry would allow private clinics to seek an alternative supply of the medicine besides sourcing it from the five

companies on its registry.

"Private clinics applying to import the medicine will be given same-day approval so that the medicine can be given to patients who need it," he said.

He said the ministry was looking at approving the purchase of one million flu tablets to treat 100,000 patients.

Dr Dzulkefly said the flu vaccination should be for those in the high-risk group such as those with diabetes and heart and kidney problems.

He said health experts advised that flu shots be given to those aged five years and below, and senior citizens aged 65 and above.

Earlier, Dr Dzulkefly told ministry staff that one of the priorities for 2020 was to protect the health and wellbeing of Malaysians.

In line with this, he said the national pneumococcal vaccination programme had kicked

off, targeting those born from Jan 1.

He also said that a memorandum on health-care reform, known as Sihat Bersama 2030, would be submitted to the government in February.

"It is important that we continue to seek ways to provide the best service and improve cooperation between the government and private sector to ensure the success of Sihat Bersama 2030," he added.

A sustainable health financing system, public sector transformation through corporatisation and private sector regulatory reform are the three pillars outlined in Sihat Bersama 2030.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Shuttle ace injured in crash

Momota and three others recovering in hospital

by JOSEPH KAOS Jr
ewsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Newly-crowned Malaysian Masters winner Kento Momota is on the road to a full recovery after being involved in a collision which killed his van driver.

The Japanese was heading to the KL International Airport with three other passengers when the van appeared to have crashed into the back of a lorry along the Maju Expressway at about 4.45am yesterday.

Momota, who clinched the Malaysian Masters title on Sunday, suffered a right maxillary sinus and nasal bone fracture, cuts on his lips which required stitches and other facial injuries.

The 25-year-old driver, N. Bavan, who was pinned to his seat, died at the scene.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who visited Momota and the others at Hospital Putrajaya later, said he expected all to be discharged.

"Based on checks and CT scans, there are no major injuries. They should be discharged soon. For now, they will remain under observation," he told reporters.

Serdang Fire and Rescue Department officials who responded to the emergency took some time



Concern: Oka (left) and Dzulkefly speaking to the media after visiting Momota at Hospital Putrajaya. — Reuters

to extract the body from the wreckage.

The other victims were assistant coach Yu Hirayama, 35, physiotherapist Akifumi Morimoto, 42, and Badminton World Federation technical officer William Thomas, 30.

Hirayama suffered facial and leg injuries while Morimoto escaped with a broken hand.

Thomas sustained leg injuries and also received seven stitches for a head injury.

Momota, 25, and the other two Japanese were to board a flight to Tokyo, while the Englishman was to fly to Jakarta for the Indonesian Masters competition.

All four, who were seated at the back passenger seats, were rushed in ambulances to the hospital where they are being warded.

Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman said Momota and the three others were in stable condition.

"According to the doctors, all four

Watch the video
thestartv.com



are recovering well. We are monitoring them very closely. As the minister, I gave our full commitment to ensure they received the best treatment," he told reporters at the hospital after visiting the victims.

Japanese Ambassador to Malaysia Hiroshi Oka, who came with Dzulkefly, expressed his gratitude to the Malaysian government for the care and support given to the crash victims.

Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, the former Badminton Association of Malaysia (BAM) patron, dropped to comfort Momota and the other victims.

BAM president Datuk Seri Nor Zakaria and secretary Datuk Ken Goh were also present.

On Sunday, Momota beat former world champion Viktor Axelsen of Denmark to win the Malaysian Masters singles title at the Axiata Arena in Kuala Lumpur.



For more stories:
See StarSport

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Please listen to **flu advice**, says Health director-general

► 'Spread of disease attributed to people's failure to follow guidelines'

BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily

PETALING JAYA: The increase in influenza cases in the country can be attributed to people's failure to listen to advice given by the Health Ministry and medical practitioners, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"The Health Ministry had previously advised that persons who

feel unwell, such as those having a high fever, cough or sore throat, to stay at home and keep away from crowds until the symptoms subside or to wear face masks if they need to go out," he said, adding that some people had ignored this advice.

Noor Hisham said the influenza virus spreads mainly through contact as well as when infected people cough or sneeze.

"Less often, a person might also

get the flu by touching a surface or an object that has the flu virus on it before touching their own mouth, eyes or nose."

He said influenza can cause severe infections to high risk groups such as children, pregnant women and those with chronic diseases like diabetes and high blood pressure.

He added complications arising from influenza could cause death to those at risk.

To date, a total of 176 cases have been reported, mostly involving schoolchildren. One child died due to influenza A.

Noor Hisham said there is no

data for the fatality rate of influenza infection in the country unlike 31 other infectious diseases listed within the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

Additionally, he said influenza is present all year round in Malaysia, with no clear seasons.

"Variable periods of higher transmission occur inconsistently, in November and December, January to March, July to September or a combination of these."

These coincide with seasons in nearby southeast Asian countries or winter periods of the northern and southern hemispheres.

Two clusters of flu-like illness detected in Terengganu

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Health Department recorded two clusters of influenza-like illness (ILI) involving nine individuals, aged three to 38, from an 5 to 7.

Its director Dr Nor Azimi Yunus said the clusters were detected in the Setiu district and involved two

different families.

"Of the nine people reported to be infected, five tested positive for influenza A, three for influenza B and one has yet to be determined.

"The cases have been confirmed by private facilities and all have been given Tamiflu treatment. Their condition is reported to be stable

and no one has been admitted to the hospital for now," she said in a statement yesterday.

Nor Azimi said the department, in collaboration with the Setiu district office, will continue monitoring the cases, adding the ILI clusters were under control at present.

She advised the public to maintain personal hygiene by regularly washing their hands and adhering to coughing and sneezing etiquette.

"They are also advised to go to hospital or a clinic for treatment immediately if influenza symptoms develop." - Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Health officers get show-cause letters

PETALING JAYA: Show-cause letters have been issued to two health personnel who were caught slacking off at KL International Airport 2 (klia2), Health Minister, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said yesterday.

A video clip has gone viral on social media showing an operator at klia2's thermal scanners asleep at the desk.

Another officer at the booth is seen preoccupied with his mobile phone.

"I have been informed of the matter, and have watched the video clip.

"It's giving a bad perception (to the public), and although I am not sure why the situation happened, I can give the benefit of the doubt if the person is ill ... (however) the bottom line is we need to improve discipline in this area," Dzulkefly told reporters.

"Investigation (on the matter) have been conducted, and warning letters have been issued to the two personnel."

The clip was reportedly taken on Dec 26.

Thermal scanners have been installed at airports to help curb the spread of infectious diseases. – by **Elly Fazaniza**